

Peserta alami
kerugian kira-kira
RM30,000

Oleh NURFARDLINA
IZZATI MOKTAR

SETIU

5/4/14.02.24/1/13 27

Peserta Projek Ternakan Kelulut Komuniti Nelayan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Kampung Pengkalan Gelap, Permaisuri di sini terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM30,000 apabila 22 sarang kelulut dimusnahkan beruang ma-



Sarang kelulut yang musnah akibat serangan beruang.

tahari pada Selasa.

Ketua Projek, Profesor Dr Shamsul Bahri Abdul Razak berkata, serangan daripada seekor beruang itu dipercayai berlaku antara jam 3 dan 4 pagi berdasarkan kesan tapak kaki.

"Kejadian tersebut disedari oleh salah seorang peserta projek kira-kira jam 8 pagi ketika ingin membersihkan kawasan.

"Ini merupakan kejadian kali ketiga sejak projek ini dimulakan dua tahun lalu. Namun jumlah kerugian kali ini adalah paling besar iaitu sebanyak RM30,000," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Beliau yang juga Ketua Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut UMT bagaimanapun memberitahu, kejadian tersebut tidak mematahkan semangat peserta bagi meneruskan projek memandangkan hasilnya yang diperoleh agak lumayan.

Menurutnya, projek yang melibatkan 10 peserta daripada golongan nelayan itu telah berjaya memberi pulangan kira-kira RM1,500 sebulan.

"Terdapat 200 koloni sarang kelulut di plot ternakan Kampung Pengkalan Gelap.

"Projek ini merupakan hasil kerjasama UMT, Pharmaniaga Sdn Bhd dan Yayasan Inovasi Malaysia," jelasnya.

Beliau menambah selain projek ternakan di Kampung Pengkalan Gelap, UMT turut melaksanakan tiga projek sama di Parit Sulong dan Kota Tinggi di Johor serta Kampung Gemuruh di Terengganu.

Shamsul Bahri berkata, pihaknya juga sudah membuat laporan terhadap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu bagi tindakan selanjutnya bagi menangani masalah berkenaan.



Peserta Projek Ternakan Kelulut Komuniti Nelayan UMT sedang membaik pulih koloni sarang kelulut yang rosak.